



## Terma dan Syarat Kempen Syiok Top Up & Menang bersama e-pay

1. Kempen Syiok Top Up & Menang bersama e-pay (“Kempen”) akan berlangsung dari 9 September 2024 hingga 30 November 2024 (“Tempoh Kempen”). e-pay (M) Sdn. Bhd. (“Penganjur”) berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Kempen tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan secara automatik. Kempen akan berlangsung selama dua belas (12) Minggu seperti berikut:
  - a. Minggu kempen 1: 9 September 2024 – 15 September 2024;
  - b. Minggu kempen 2: 16 September 2024 – 22 September 2024;
  - c. Minggu kempen 3: 23 September 2024 – 29 September 2024;
  - d. Minggu kempen 4: 30 September 2024 – 6 Oktober 2024;
  - e. Minggu kempen 5: 7 Oktober 2024 – 13 Oktober 2024;
  - f. Minggu kempen 6: 14 Oktober 2024 – 20 Oktober 2024;
  - g. Minggu kempen 7: 21 Oktober 2024 – 27 Oktober 2024;
  - h. Minggu kempen 8: 28 Oktober 2024 – 3 November 2024;
  - i. Minggu kempen 9: 4 November 2024 – 10 November 2024;
  - j. Minggu kempen 10: 11 November 2024 – 17 November 2024;
  - k. Minggu kempen 11: 18 November 2024 – 24 November 2024;
  - l. Minggu kempen 12: 25 November 2024 – 30 November 2024;
2. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan yang membelanjakan RM30 dan ke atas untuk produk tambah nilai melalui e-pay dari mana-mana kedai atau stesen minyak terpilih. Produk e-pay yang lain seperti tambah nilai e-dompet dan tambah nilai Touch 'n Go adalah DIKECUALIKAN.
3. Kategori produk e-pay yang turut serta adalah:
  - a. Tambah Nilai Mudah Alih
  - b. Tambah Nilai Online Game
  - c. Tambah Nilai IDD
  - d. Lain-lain: Grab Driver dan Astro Njoi
4. Untuk menyertai kempen Syiok Top Up & Menang bersama e-pay:
  - a. Beli tambah nilai\* RM30 dan ke atas dalam satu resit (1 penyertaan) dari mana-mana kedai atau stesen minyak yang menawarkan produk e-pay dalam Tempoh Kempen.  
\*Tambah nilai e-dompet dan tambah nilai TNG adalah dikecualikan.
  - b. Imbas kod QR untuk hantar penyertaan dan sertakan gambar resit.  
Sila pastikan resit yang dilampirkan mengandungi nombor transaksi yang jelas dan boleh dibaca.

5. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang diinginkan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan butiran berikut yang diperlukan dan resit tunggal yang berlainan bagi setiap penyertaan.
  - a. Nama Penuh
  - b. No. Telefon Bimbit
  - c. No. IC/Passport
  - d. Emel
6. Para peserta tidak dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan dengan resit tunggal yang sama kepada pihak Penganjur.
7. Hanya resit-resit bercetak yang asal dan sah akan diterima. Resit-resit yang sukar dibaca, rosak, diubah, disalin semula, diperolehi secara tidak sah, tersalah cetak dan/atau tidak mengandungi maklumat yang diperlukan adalah tidak sah dan tidak akan diterima. Pihak Penganjur mempunyai budi bicara mutlak dan hak untuk membatalkan kelayakan resit-resit tidak sah tersebut.
8. Setiap hari sepanjang Tempoh kempen, kempen akan bermula pada pukul 12:00 tengah malam dan berakhir pada pukul 11:59 malam.
9. Cara pemilihan pemenang:
  - a. Hadiah Utama x 3 dan Hadiah Kedua x 8: Pemenang Hadiah Utama dan Hadiah Kedua akan dipilih berdasarkan jumlah penyertaan terkumpul terbanyak yang diterima sepanjang Tempoh kempen.
  - b. Hadiah Mingguan x 10 Pemenang x 12 Minggu kempen: Pemenang Hadiah Mingguan akan ditentukan melalui cabutan rawak berkomputer daripada jumlah penyertaan layak yang diterima sepanjang Minggu kempen.
10. Semua pemenang akan diumumkan di akaun FB rasmi e-pay, [www.facebook.com/epaymalaysiaofficial](http://www.facebook.com/epaymalaysiaofficial) dan laman rasmi kempen, [www.ghl.com/syioktopup-epay](http://www.ghl.com/syioktopup-epay) dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh kempen atau masa yang mungkin ditentukan oleh pihak Penganjur.
11. Pemenang akan dihubungi oleh pihak Penganjur. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan selama tiga (3) hari berturut-turut, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan peserta dan pemenang lain akan dipilih.
12. Hadiah-hadiah kempen:
  - a. Hadiah Utama x 3: Motor Modenas Kriss MR3 110 Drum bernilai RM3,999 setiap satu.
  - b. Hadiah Kedua x 7: Vivo Smartphone bernilai RM999 setiap satu.
  - c. Hadiah Mingguan x 120: Pin Tambah Nilai TNG eWallet bernilai RM50 setiap satu.
  - d. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi sehingga DUA (2) hadiah sepanjang Tempoh kempen:
    - Dua (2) Hadiah Mingguan, atau
    - Satu (1) Hadiah Mingguan dan satu (1) Hadiah Utama, atau satu (1) Hadiah Kedua.
  - e. Hadiah Utama dan Kedua akan diberikan secara fizikal di kawasan Lembah Klang (tempat & masa akan diberitahu kemudian).

- f. Hadiah Mingguan akan diberikan melalui nombor telefon pemenang, iaitu nombor pin tambah nilai Touch 'N Go eWallet. Pihak Penganjur tidak akan meminta, sama ada melalui e-mel, telefon atau WhatsApp, nombor PIN, kata laluan atau butiran peribadi lain peserta selain daripada yang dinyatakan di sini.
  - g. Kesemua hadiah mesti dituntut atas perbelanjaan sendiri dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh kempen. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut akan dilupuskan oleh pihak Penganjur.
  - h. Hadiah tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik untuk wang tunai atau bentuk perkhidmatan/produk lain.
  - i. Peserta dikehendaki untuk mengemukakan bukti pengenalan diri semasa atau sebelum penuntutan hadiah kempen sebagai pengesahan. Bentuk-bentuk bukti pengenalan diri yang diterima oleh pihak Penganjur adalah kad pengenalan/passport. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan peserta/pemenang atas kegagalan dalam mengemukakan bukti pengenalan diri.
  - j. Pihak Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau apa-apa format atas sebarang sebab. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.
13. Dengan menyertai kempen ini, para peserta memberi keizinan kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan maklumat peribadinya dan pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh pihak Penganjur.
14. Dengan menyertai kempen ini, para peserta bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat rasmi yang ditetapkan serta segala keputusan pihak Penganjur.
15. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu pada bila-bila masa.